

## POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PENGEMBARA

Liberty General Insurance Berhad (selepas ini dipanggil Syarikat) setelah menerima premium dengan ini bersetuju tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dilampirkan dalam polisi ini atau diendorskan ke atasnya bahawa sekiranya dalam Tempoh Insurans Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan anggota badan yang diakibatkan secara tunggal dan langsung daripada kemalangan yang disebabkan oleh kemalangan luaran yang serius dan nyata maka Syarikat akan membayar Faedah kepada Orang Yang Diinsuranskan atau kepada wakil beliau yang sah.

PERKARA	FAEDAH	PAMPASAN Peratusan (%) Jumlah Pokok Diinsuranskan
1.	Kematian Akibat Kemalangan (Berlaku dalam tempoh 12 bulan kalendar dari masa kecederaan anggota badan)	100
2.	Hilang Upaya Kekal (berlaku dalam tempoh 12 bulan kalendar dari masa kecederaan anggota badan) mengakibatkan kehilangan yang disebabkan pemutusan fizikal pada atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki pada sebelah atau kedua-dua belah tangan atau kaki atau kehilangan penglihatan sepenuhnya dan tidak boleh melihat kembali pada sebelah atau kedua-dua belah mata.	100
3.	Perbelanjaan Perubatan Membayar sehingga had yang di dalam Jadual bagi perbelanjaan yang ditanggung untuk hospital (termasuk bilik dan makanan), rawatan perubatan dan pembedahan yang disediakan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan dan berdaftar akibat daripada kecederaan anggota badan sebagaimana ditakrifkan dalam polisi ini dan berlaku dalam tempoh 12 bulan kalendar dari kecederaan anggota badan.	Mengikut jadual

Polisi insurans ini akan dilanjutkan secara automatic sehingga maksimum tiga puluh (30) hari sekiranya perjalanan tersebut telah ditangguhkan atau dibatalkan dan kejadian tersebut berlaku di luar kawalan Orang Yang Diinsuranskan.

### SYARAT SYARAT

- Orang Diinsuranskan seharusnya mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat mana ia berhubung kait dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini.

- Dalam kes kecederaan anggota badan yang dikaitkan dengan Polisi ini (i) Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mendapatkan dan bertindak atas nasihat perubatan atau pembedahan dengan secepat yang mungkin (ii) notis bertulis hendaklah diberi kepada Syarikat secepat yang mungkin tetapi dalam mana-mana kejadian dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari masa kecederaan anggota badan. Bukti yang memuaskan pihak Syarikat tentang kematian atau kecederaan anggota badan yang mana tuntutan dibuat hendaklah diberi atas permintaan dan atas perbelanjaan Orang Yang Diinsuranskan sendiri.

Kematian tidak boleh dianggap semata-mata berdasarkan kehilangan Orang Yang Diinsuranskan melainkan diisytiharkan secara khusus dan disahkan oleh mahkamah Undang-undang di Malaysia.

Adalah dipersetujui dan difahami selanjutnya bahawa sekiranya pada bila-bila masa selepas bayaran telah dibuat dan Orang Yang Diinsuranskan didapati masih hidup maka apa-apa jumlah yang telah dibayar oleh Syarikat hendaklah, dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh penemuan tersebut, dikembalikan semula sepenuhnya kepada Syarikat.

- Tiada bayaran boleh dibuat bagi sebarang kejadian peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan yang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan atau tindakan ketenteraan atau rampasan kuasa, rusuhan atau kekecohan awam atau mendatangkan kecederaan diri sendiri sama ada melibatkan jenayah atau tidak.
- Setiap orang tidak boleh diinsuranskan secara sah pada satu-satu masa untuk lebih daripada satu polisi insurans kemalangan diri pengembara atau polisi insurans kemalangan diri lain yang dikeluarkan oleh Syarikat melainkan maklumat telah diisytiharkan semasa cadangan insurans dan diterima oleh Syarikat.
- Tuntutan yang dibuat berhubung dengan mana-mana "Faedah" bagi 100% setiap Perkara (1) dan / atau (2) di atas akan membatalkan secara automatik perlindungan yang diperuntukkan di bawahnya dan Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang pampasan selain daripada di bawah Perkara (1) dan / atau (2) di atas berhubung dengan kejadian yang sama.
- Tiada bayaran boleh dibuat berhubung dengan:
  - kecederaan yang dialami ketika berada di dalam keadaan khayal, atau ketika tidak siaman atau kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh atau berpunca daripada penyakit kelamin atau kehamilan.
  - kecederaan yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan ketika terlibat dalam penerbangan untuk tujuan operasi perdagangan atau teknikal atau sebagai anggota anak kapal atau dalam mana-mana kegiatan udara lain kecuali ketika mengembara sebagai penumpang yang membayar tambang dengan syarikat penerbangan berlesen pada laluan domestik atau antarabangsa yang dijadualkan.
  - kecederaan yang dialami ketika terlibat dalam sebarang pekerjaan yang melibatkan buruh manual, berburu, lumba kuda berhalangan, sebarang bentuk perlumbaan (selain daripada yang menggunakan kaki), sukan ragbi, bola sepak, polo, menunggang motosikal, sukan musim sejuk, mendaki gunung, aktiviti bawah air, luncur air atau penerokaan gua.

**Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)**  
**Dahulu Dikenali Sebagai AmGeneral Insurance Berhad**

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
Peti Surat 6120 Pudu, 55916 Kuala Lumpur.

**Tel: +603 2268 3333 Faks: +603 2268 2222 Laman Sesawang: www.kurnia.com**

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

# POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PENGEMBARA

- IV. kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau melalui atau akibat daripada, secara langsung atau tidak langsung, daripada mana-mana tindakan keganasan. Untuk tujuan ini, tindakan keganasan bermaksud tindakan termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau paksaan dan/atau ugutan, oleh manamana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan manamana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian daripada orang awam berada dalam ketakutan.
- V. Orang Yang Diinsuranskan membuat apa-apa perjalanan yang bertentangan dengan nasihat perjalanan Kementerian Luar Negeri Malaysia atau Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan dengan kejadian sebenar atau ugutan mogok, rusuhan, atau kekacauan awam, perang atau situasi seperti perang, letusan penyakit (termasuk wabak/pandemik) atau keadaan kesihatan yang tidak selamat, atau bencana alam yang akan berlaku, ke atas negara atau wilayah destinasi Orang Yang Diinsuranskan, kecuali perjalanan telah dimulakan sebelum penerbitan nasihat perjalanan.
- VI. sebarang keadaan yang berlaku yang mengakibatkan Orang Yang Diinsuranskan tidak berupaya atau tidak dapat untuk membuat perjalanan dan keadaan tersebut dimaklumkan kepada Orang Yang Diinsuranskan atau diketahui oleh Orang Yang Diinsuranskan atau merupakan pengetahuan umum seperti yang dilaporkan di media pada masa Orang Yang Diinsuranskan membeli Polisinya atau semasa menempah perjalanannya (yang mana terkemudian).
- VII. Klausula Pengecualian Kerugian Siber Terhad
- a) Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bertentangan dalam Polisi ini, Polisi ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
- b) Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
- penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
  - pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
  - akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
  - ketidamampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
  - sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan i. hingga iv. di atas;
  - sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
- c) Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
- d) Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
- e) Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.
7. Sebarang liabiliti walau bersifat apa sekalipun yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan HIV (Virus Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) dan / atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) dan / atau sebarang derivatif mutan atau variasinya.
8. Indemniti yang dinyatakan dalam Polisi ini tidak terpakai kepada dan tidak juga termasuk:
- Pampasan ganti rugi berhubung dengan penghakiman yang bukan pertama kali dikemukakan oleh atau diterima daripada Mahkamah dalam bidang kuasa kompeten di Malaysia.
  - Kos dan perbelanjaan litigasi yang diperoleh oleh pihak yang menuntut daripada Pihak Diinsuranskan yang tidak ditanggung dan boleh diperoleh di Malaysia
9. Semua percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak di dalam pertelingkahan atau jika mereka tidak bersetuju atas seorang Penimbang Tara, ia akan dirujuk kepada dua (2) Penimbang Tara yang salah seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa satu (1) bulan kalendar selepas dikehendaki untuk berbuat demikian secara bertulis oleh mana-mana satu pihak atau sekiranya Penimbang Tara tidak bersetuju dengan Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang tara sebelum memasuki rujukan mereka. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dan keputusan mengenai Award akan menjadi syarat-syarat terdahulu sebelum apa-apa hak tindakan dibuat terhadap Syarikat. Jika Syarikat menafikan liabiliti kepada Pihak Diinsuranskan untuk mana-mana tuntutan berikut dan tuntutan tersebut berlaku dua belas (12) kalendar bulan dari tarikh penafian dirujukkan kepada penimbang tara di bawah peruntukan yang terkandung di sini maka tuntutan bagi segala tujuan akan dianggap telah dihentikan dan seterusnya tidak akan diperolehi semula mengikut Polisi ini.
10. Umur Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh kurang daripada tiga puluh (30) hari dan tidak melebihi tujuh puluh (70) tahun.
11. Insurans ini tidak sah bagi tempoh perjalanan yang melebihi enam (6) bulan.
12. Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang pernyataan, kenyataan, waranti, perjanjian secara langsung atau tidak langsung, selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini dan sebarang ungkapan dan makna khususnya yang telah dinyatakan dalam mana-mana bahagian polisi atau jadual ini hendaklah membawa maksud khusus sedemikian dimana jua ia mungkin dicatat.
13. Polisi ini boleh terbatal sekiranya berlaku salah nyata, penerangan yang salah, kesilapan, tertinggal atau tidak mendedahkan fakta oleh Orang Yang Diinsuranskan, yang mana Orang Yang Diinsuranskan tahu atau sepatutnya telah mengetahui sebagai tidak benar, mengelirukan atau berkaitan atau yang mungkin mempengaruhi pertimbangan penanggung insurans yang berhemat (termasuk Syarikat) dalam menentukan premium yang perlu dibayar dan / atau menentukan jika risiko sepatutnya diterima, dengan atau tanpa niat untuk menipu Syarikat.
14. Klausula Had Sekatan Dan Pengecualian  
Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah Polisi ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan Kami kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom, Amerika Syarikat atau Malaysia.

## NOTIS PENTING

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika Polisi / perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah memberitahu kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembedaan sewajarnya.
2. Pihak Diinsuranskan yang kurang berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Syarikat, boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan atau melayari BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat), Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:
  - (a) Unit Pengendalian Aduan  
Liberty General Insurance Berhad  
Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan  
Liberty Insurance Tower,  
CT9, Pavilion Damansara Heights,  
3, Jalan Damansara,  
Pusat Bandar Damansara,  
50490 Kuala Lumpur  
Tel : +603-2268 3333 atau 1800 88 3833  
Faks : +603-2268 2222
  - (b) Ombudsman Perkhidmatan Kewangan  
(OFS) Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia  
No. 4, Jalan Sultan  
Sulaiman 50000 Kuala  
Lumpur  
Tel : +603-2272 2811  
Faks : +603-2272 1577
  - (c) BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat)  
Bank Negara Malaysia  
4th Floor, Podium Bangunan AICB,  
No. 10, Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
No. Tel. : +603-2698 8044 (Talian Am) / 1 300 88 5465 (BNMLINK)  
No. Faks : +603-2174 1515  
e-Link : bnmlink.bnm.gov.my  
alamat emel : bnmlink@bnm.gov.my  
Laman Web : www.bnm.gov.my
3. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).